



GARIS PANDUAN PAMERAN

PUSAT INOVASI DAN PENGGOMERSIALAN (ICC)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 UTHM sangat komited dalam membudayakan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan pasaran dan memastikan setiap hasil kerja dipromosikan dan diterima baik oleh industri dan masyarakat.
- 1.2 Bagi tujuan tersebut, penyertaan ke pameran-pameran berkaitan inovasi dan teknologi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dilihat mampu untuk meningkatkan visibiliti penyelidikan dan pengkomersialan yang telah dijalankan samada melalui jaringan yang dibentuk sepanjang pameran mahu pun melalui pengiktirafan yang diterima dalam setiap pameran.
- 1.3 Pengiktirafan dalam pameran juga mampu menjadi daya tarikan dan publisiti yang baik dalam usaha Universiti untuk meningkatkan bilangan jaringan industri masyarakat dan menarik bakat-bakat cemerlang ke UTHM.

2.0 TAFSIRAN

Definisi yang digunapakai dalam dokumen ini adalah seperti berikut:

2.1 UTHM/Universiti

Merujuk kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.2 ICC

Merujuk kepada "*Innovation and Commercialisation Centre*" atau Pusat Inovasi dan Pengkomersialan

2.3 PusatTanggungjawab dalam Universiti/ PTJ

Merujuk kepada semua fakulti, pejabat, pusat-pusat, bahagian, atau unit yang terlibat dalam aktiviti Pengkomersialan, harta intelek dan produk penyelidikan.

2.4 **JTIPP**

Merujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan.

2.5 **JKPI**

Merujuk kepada Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan.

2.8 **Jawatankuasa Pemilih**

Merujuk kepada Jawatankuasa Pemilih Penyertaan Pameran dan Penilaian Geran Dalaman.

2.12 **Produk**

Hasil penyelidikan dan inovasi dalam bentuk suatu barang, prototaip, perisian, laporan atau apa-apa hasil kajian dan lain-lain definisi yang seumpamanya.

3.0 **MATLAMAT**

Sebagai rujukan kepada semua staf Universiti mengenai penyertaan hasil penyelidikan dan inovasi UTHM ke pameran dan pertandingan penyelidikan dan inovasi yang dianjurkan di dalam dan luar negara.

4.0 **OBJEKTIF**

4.1 Mewujudkan garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan dalam memilih hasil penyelidikan dan inovasi untuk menyertai pertandingan penyelidikan dan inovasi di dalam dan luar negara.

4.2 Memastikan hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu sahaja dipilih untuk menyertai pertandingan penyelidikan dan inovasi di dalam dan luar negara.

- 4.3 Mempelbagaikan aktiviti promosi produk dan teknologi Universiti melalui penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 4.4 Memastikan usaha meningkatkan Pengkomersialan hasil penyelidikan dan inovasi dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya melalui pemilihan hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

5.0 PENGENDALIAN PAMERAN SECARA DALAM TALIAN

- 5.1 Pihak ICC juga menggalakkan penyertaan penyelidik UTHM yang dikendalikan secara dalam talian bagi memastikan produk dan teknologi universiti mendapat pengiktirafan dalam pertandingan penyelidikan inovasi yang dianjurkan di dalam dan luar negara.
- 5.2 Setiap dokumen seperti *slides* pembentangan, gambar dan video berkaitan perlu mendapat kelulusan daripada pihak jawatankuasa penilai yang dilantik oleh pihak ICC bagi memastikan dokumen berkaitan mencapai kualiti yang diharapkan.
- 5.3 Pihak ICC akan membuat penilaian bersama wakil daripada PTJ berkaitan seperti *Centre of Global Training (GLOBAL)* dan Pejabat Teknologi Maklumat untuk memastikan kualiti video dan gambar mencapai tahap kualiti yang diperlukan.
- 5.4 Setiap dokumen perlu dipastikan tidak melanggar tatacara hak cipta yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan.

6.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI DALAM NEGARA

Hasil penyelidikan dan inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan dan pameran di dalam negara perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 6.1 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap sedia untuk dipamerkan atau dipertandingkan.
- 6.2 Hasil penyelidikan dan Inovasi berkenaan mempunyai potensi untuk dikomersilkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 6.3 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan memberi manfaat kepada masyarakat atau negara.
- 6.4 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- 6.5 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan adalah unik dan mempunyai novelti.
- 6.6 Hasil penyelidikan dan inovasi, berkenaan tidak memberikan implikasi yang negatif bagi memelihara imej universiti.
- 6.7 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan digalakkan mempunyai rakan industri bagi tujuan Pengkomersialan.
- 6.8 Hasil penyelidikan dan inovasi digalakkan menjalani ujian (*testing*) serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan.
- 6.9 Hasil penyelidikan dan inovasi yang menggunakan jumlah peruntukan yang rendah tetapi berpotensi menjana pendapatan tinggi akan diberikan keutamaan.
- 6.10 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenangi pertandingan penyelidikan dan inovasi di peringkat UTHM akan diberi keutamaan untuk dipilih. Walaubagaimanapun, hasil penyelidikan dan inovasi yang berpotensi boleh dipertimbangkan oleh **Jawatankuasa Pemilihan Pameran** untuk menyertai pameran atau pertandingan berdasarkan kesesuaian pameran dan pertandingan yang diadakan.

- 6.11 ICC berhak untuk memilih calon peserta untuk menyertai mana-mana pertandingan tanpa melalui Jawatankuasa Pemilih Pameran.
- 6.12 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh jawatankuasa pemilih yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).

7.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI LUAR NEGARA

Hasil penyelidikan dan inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan dan pameran **luar negara** perlu **mematuhi** syarat-syarat berikut:

- 7.1 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenangi **pingat** dalam pertandingan di peringkat dalam negara (**yang diiktiraf oleh MyRA**) sahaja akan dipertimbangkan dan **tertakluk** kepada tempoh 2 tahun dari tarikh kemenangan dalam pertandingan tersebut.
- 7.2 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap untuk dipamerkan atau dipertandingkan.
- 7.3 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan mempunyai potensi untuk dikomersilkan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 7.4 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan memberikan manfaat kepada masyarakat atau negara.
- 7.5 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- 7.6 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan adalah unik dan sukar ditiru oleh pihak lain.

- 7.7 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan tidak memberikan implikasi yang negatif bagi memelihara imej universiti.
- 7.8 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah mempunyai rakan industri bagi tujuan Pengkomersialan.
- 7.9 Hasil penyelidikan dan inovasi adalah mesra pengguna.
- 7.10 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah menjalani ujian (*testing*) serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan akan diberikan keutamaan.
- 7.11 Hasil penyelidikan dan inovasi yang mempunyai jumlah peruntukan yang rendah tetapi berpotensi menjana pendapatan tinggi akan diberikan keutamaan.
- 7.12 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Pemilih pameran dan memperoleh kelulusan Pengarah ICC.
- 7.13 Hasil penyelidikan dan inovasi yang terpilih hendaklah diperakukan oleh TNCPI dan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Inovasi (JTIP) dan Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI) untuk pameran yang diiktiraf oleh MyRA.

8.0 STRUKTUR TADBIR URUS DAN PERANAN

8.1 Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)

- 8.1.1 Pengurus pameran dan aktiviti promosi produk UTHM
- 8.1.2 Memberi khidmat nasihat, memantau dan menyelaras penyertaan dan penganjuran pameran.
- 8.1.3 Membuat permohonan bagi segala perbelanjaan yang terlibat.
- 8.1.4 Menyimpan segala rekod-rekod pameran.
- 8.1.5 Membuat analisa bagi mengenalpasti kelemahan dan potensi penambahbaikan dalam penyertaan dan penganjuran pameran.

8.1.6 Menyediakan dan menambah baik dasar-dasar berkaitan pelaksanaan dan penyertaan pameran di UTHM.

8.2 Jawatankuasa Teknikal Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan (JTIPP)

8.2.1 Mencadangkan penambahbaikan yang boleh dibuat dalam pelaksanaan polisi pameran kepada ICC.

8.2.2 Membantu dalam penyediaan polisi dan garis panduan bagi melaksanakan aktiviti pameran di UTHM.

8.2.3 Memberi maklumbalas staf PTj masing-masing berkaitan isu dan masalah yang dihadapi dalam penyertaan di pameran-pameran bersama ICC.

8.2.4 Memperakui senarai peserta pameran yang diluluskan oleh ICC.

8.3 Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI)

8.3.1 Menerima makluman peserta-peserta yang telah dipilih ke pameran.

8.3.2 Membuat cadangan penambahbaikan dalam pengurusan penyertaan pameran dari semasa ke semasa.

9.0 HAD PENYERTAAN

Had penyertaan keluar negara adalah tertakluk kepada keadaan kewangan dan kelulusan Pengarah ICC.

10.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan ini adalah terpakai untuk semua pameran di dalam dan di luar Negara yang diuruskan oleh ICC.